



Ahmad Taufan (kiri) berbual dengan rakan sekerjanya.

Tidak pernah tersinggung, sebaliknya berbangga dengan nama unik itu

Ahmad Taufan sering dipanggil 'ribut taufan'

NURUL HUDA HUSAIN

KUALA NERUS

Sering kali menjadi bahan gurauan dan namanya ditokok tambah oleh rakan-rakannya, Ahmad Taufan Abdul Rashid mengakui tidak tersinggung, sebaliknya tetap berbangga kerana memiliki nama unik sebegitu.

Menurut kakitangan Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) itu lagi, dipanggil dengan nama 'ribut taufan' merupakan gelaran biasa diterimanya dari zaman kanak-kanak sehinggalah ke alam remaja.

"Secara jujurnya saya tidaklah berasa terlalu tersinggung atau berkecil hati dengan gelaran 'ribut taufan' yang diberikan itu kerana bagi saya ia bukan gurauan yang keterlaluan.

"Lagi pula nama itu bukanlah sesuatu yang buruk atau negatif pada pandangan saya.

"Saya sebenarnya telah lali apabila sering dipanggil dengan nama 'ribut taufan', walaupun bunyi agak lucu tetapi saya tidak sampai tahap ingin berasa sakit hati atau marah," kata lelaki yang berusia 45 tahun kelahiran Ajil, Hulu Terengganu itu.

Nama dipilih arwah bapa

Berkongsi lebih lanjut mengenai nama uniknya itu, Ahmad Taufan memberitahu,



Kad pengenalan Ahmad Taufan.

nama itu dipilih arwah bapanya, Abdul Rashid Sulong.

"Nama Taufan ini memang dipilih oleh arwah ayah, jadi ia bukan nama yang tersilap tulis atau sebagainya ketika pendaftaran.

"Arwah ayah memberitahu pemilihan nama itu sebenarnya lebih kepada 'tawaf' dengan bermaksud agar selalu bergerak untuk kebaikan.

"Walaupun bagi sesetengah pihak beranggapan nama unik saya ini agak pelik dan lucu tetapi bagi saya ia tetap satu kebanggaan," katanya.

Nama unik lebih mudah diingati

Malah katanya, dengan nama yang unik itu secara tidak langsung membuatkan namanya lebih mudah diingati bagi yang telah lama atau baru dikenali.

"Saya sentiasa berfikiran positif

dan menganggap nama unik ini sebenarnya memberi kelebihan buat kita, soal gelaran itu merupakan hal lain.

"Ini kerana ada orang yang mempunyai nama yang biasa tetapi ada menerima gelaran yang macam-macam.

"Jadi, apa yang lebih penting kita perlu sentiasa bersyukur dan terima dengan hati yang terbuka," katanya.

Menurut anak ketiga daripada empat beradik itu lagi, dalam keluarganya juga hanya dirinya sahaja yang mempunyai nama unik sedemikian.

"Dalam keluarga kami,

Secara jujurnya saya tidaklah berasa terlalu tersinggung atau berkecil hati dengan gelaran 'ribut taufan' yang diberikan itu kerana bagi saya ia bukan gurauan yang keterlaluan." - Ahmad Taufan

hanya saya seorang sahaja yang mempunyai nama yang dianggap pelik ini, namun ia tidak menjadi masalah bagi saya.

"Malah, apa sahaja nama kita, sama ada pelik atau tidak, ia tidak

menggambarkan peribadi, sebaliknya kita dinilai dengan kelakuan dan sikap yang sebenar.

"Asalnya gelaran itu tidak menghina atau mengaibkan, bagi saya tiada apa-apa yang perlu dipersoalkan sangat," katanya.

Ditanya mengenai anaknya pula, jelas bapa kepada empat orang cahaya mata itu lagi, tiada nama-nama unik atau pelik diberikan.

"Anak sulung saya bernama Yusairah, 17, Mohd Yasir, 14, Mohd Shakir, 11, dan yang bongsu Uwais Hamad, setahun enam bulan.

"Bagi saya cukuplah nama saya seorang yang unik dan berlainan dengan orang lain," katanya yang telah 21 tahun berkhidmat di UniSZA.



Ahmad Taufan menunjukkan kad pengenalan dirinya.

